



## BELANJAWAN 2020 :

### KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

#### BELANJAWAN

# 2020



YB Hajah Zuraidah binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyatakan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada YB Lim Guan Eng, Menteri Kewangan dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) atas pembentangan Belanjawan 2020 yang memberi banyak manfaat kepada KPKT.

Beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih khususnya, DYMM Seri Paduka Baginda Agong, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad, Kementerian Kewangan yang memberi pertimbangan sewajarnya dengan meluluskan permohonan Elaun Perkhidmatan Bomba kepada seluruh 14,400 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Dalam Belanjawan 2020 juga turut memberikan beberapa berita gembira yang diumumkan kerajaan persekutuan, dalam usaha membantu rakyat untuk membeli rumah iaitu :

- i. Pembiayaan RM10 bilion akan disediakan oleh Institusi Kewangan dengan sokongan kerajaan, melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM 3 bilion menerusi program Pembiayaan Sewa untuk Memiliki (Rent To Own – RTO);
- ii. Menerusi Belanjawan 2020, sebanyak RM100 juta disediakan oleh kerajaan Persekutuan untuk membaikpulih rumah berstrata kos rendah dan sederhana dengan memfokuskan usaha baik pulih lif, pendawaian elektrik, paip pembentungan dan bumbung;
- iii. Sebanyak RM15 juta pula diperuntukkan kerajaan Persekutuan untuk inisiatif Bandar Selamat dengan kerjasama dari pihak berkuasa tempatan, bagi menyediakan lampu jalan, kawasan parker motosikal dengan ciri keselamatan dan pagar antipanjat, serta program keselamatan lain; dan
- iv. Bagi Skim Perumahan Belia, Kerajaan Persekutuan juga menawarkan jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus melalui Cagamas, yang membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan penuh dengan bantuan ansuran bulanan sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh 2 tahun pertama, terhad untuk 10 ribu unit rumah bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Selari dengan Wawasan Kemakmuran bersama 2030, YB Hajah Zuraidah menyatakan bahawa Belanjawan 2020 yang dibentang ini, khususnya untuk KPKT merupakan satu perancangan yang tepat dan terperinci, dalam usaha menyelesaikan permasalahan pemilikan rumah untuk rakyat Malaysia. Beliau juga menyatakan pihak Kementerian Perumahan dan Kerjaan Tempatan merakamkan ucapan setinggi-setinggi terima kasih kepada kerajaan Malaysia.